KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK MALAYSIA
KOTA KINABALU

LAPORAN TAHUNAN 2020

POLITEKNIK KOTA KINABALU



LAPORAN TAHUNAN 2020
POLITEKNIK KOTA KINABALU

ISI KANDUNGAN

Profil Politeknik Kota Kinabalu

Perutusan Pengarah 1
Profil 2
Misi Visi 3
Carta Organisasi 4
Penasihat Industri 5

Statistik

Enrolmen Pelajar 6
Kebolehpasaran Graduan 9
Latihan Industri 14
Pembangunan Staf 19
Pengurusan Pentadbiran 20
Pengurusan Kewangan
Kenaikan Pangkat 21
Reten Staf
Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang

Pembangunan dan Fasiliti

Unit Psikologi dan Kerjaya 22
Jabatan Sukan, Ko-Kurikulum
dan Kebudayaan 23
Perpustakaan 24
Pembangunan dan Senggaraan 25
ICT 26
Keusahawanan 27
Pusat Pembangunan Teknologi 28
Thunder Flash Logistics (TFL) 29
Teaching Factory 30

Anugerah dan Kejayaan

Peringkat Antarabangsa 31
Peringkat Kebangsaan 32

Pencapaian dan Prestasi

CSR 33
Pengantarabangsaan 34
Pembelajaran Sepanjang Hayat
E-Learning 35
Jaringan Kolaborasi
Persekitaran Hijau
Penghargaan 36
Jawatankuasa Penerbitan 37

Profil Politeknik Kota Kinabalu

2020
Laporan Tahunan



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam PKK Unggul

Alhamdulillah terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi -tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, kita berjaya mengharungi tahun 2020 yang penuh dengan cabaran sekali gus dapat menyempurnakan Laporan Tahunan 2020 Politeknik Kota Kinabalu (PKK). Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat khususnya sidang redaksi yang bertungkus lumus memastikan laporan ini diterbitkan.

Tahun 2020 telah mencatat sejarah dengan negara kita telah diserang pandemik COVID-19. Namun, ianya tidak menghalang PKK untuk melakar kejayaan merangkumi 6 pencapaian peringkat antarabangsa, 31 pencapaian peringkat kebangsaan dan 27 peringkat negeri. Pelbagai lakaran lembaran sejarah telah dicipta dalam pelbagai bidang sama ada bidang pendidikan, inovasi, keusahawanan, sukan dan kebudayaan.

PKK telah berjaya memperluaskan jaringan kolaborasi bersama syarikat tempatan dan juga antarabangsa bagi memastikan misi dan visi dapat dicapai serta matlamat menghasilkan graduan yang berkualiti yang memenuhi kehendak industri dapat direalisasikan. Jalinan kolaborasi ini dapat menghasilkan kerjasama dan perkongsian ilmu kepakaran dan aspek-aspek lain dalam memantapkan proses pengajaran serta pembelajaran di PKK.

Dalam situasi pandemik yang telah melanda, PKK sentiasa bersedia untuk memberi bantuan kepada petugas barisan hadapan. Dalam menyokong petugas barisan hadapan, PKK telah menyumbang 1031 pelindung muka secara keseluruhan kepada Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (HWKK) Sabah serta Klinik Kesihatan Telipok.

Kejayaan yang telah dikecapi tidak dapat dicapai tanpa kerjasama yang kukuh daripada warga PKK sama ada pensyarah, kakitangan sokongan mahupun para pelajar sendiri. Komitmen dan kerjasama semua warga PKK, serta sokongan daripada pihak industri adalah diperlukan bagi memastikan momentum pencapaian tahun 2020 akan berterusan pada masa akan datang.

Harapan saya agar seluruh warga PKK sentiasa menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi dan proaktif dalam semua tugas yang diberikan, komited dan tidak berputus asa dalam usaha ke arah mencapai visi PKK untuk menjadi institusi TVET yang unggul di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Sekian, terima kasih.
“PKK UNGGUL 2020”

Ts. Zainab binti Othman A.S.D.K
Politeknik Kota Kinabalu

Profil Politeknik Kota Kinabalu

Politeknik Kota Kinabalu (PKK) ditubuhkan pada 01 Mac 1996, dan merupakan Politeknik yang pertama di Sabah dan yang ketujuh di Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Bermula dengan kampus sementara di Sekolah Menengah Teknik Likas, Kota Kinabalu yang menempatkan Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Unit Pentadbiran dan Unit Perpustakaan. Pada tahun 1999, PKK telah membuka kampus cawangan dengan menyewa rumah kedai di Inanam dan menempatkan Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Unit Peperiksaan dan Unit Latihan Industri. Pengambilan sulung pelajar Politeknik Kota Kinabalu seramai 83 orang bermula pada sesi 1996/1997 pada bulan Jun 1996.

Pada 01 September 2003, PKK telah beroperasi sepenuhnya secara rasmi di kampus tetap yang mempunyai keluasaan 43 hektar (108 ekar) dan terletak di dalam kawasan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) Sabah, lebih kurang 22km atau 35 minit perjalanan dari pusat Bandaraya Kota Kinabalu. Antara jabatan dan agensi yang berhampiran adalah Sabah Ports Authority Sdn. Bhd, Lembaga Koko Malaysia Sabah dan Tentera Laut Diraja Malaysia Sepangar Sabah.

Pada 01 Julai 2010, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) yang menduduki bangunan utama Core B, kampus PKK telah dipindah lokasi ke rumah kedai yang disewa di Pekan Telipok, Kota Kinabalu kira-kira 4.1km atau 6 minit perjalanan daripada kampus PKK. Ini adalah susulan daripada keputusan untuk merobohkan bangunan utama Core B atas dasar keselamatan. Penempatan JPH di Pekan Telipok selama lapan tahun berakhir apabila PKK menerima bangunan baharu pada 19 Julai 2018 bagi menggantikan bangunan Core B yang dirobohkan.

Pada 01 November 2019, bangunan baharu telah dirasmikan. Bangunan baharu bernilai RM42 juta itu terdiri daripada empat (4) blok bangunan yang menempatkan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Jabatan Perdagangan dan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Ia terletak di kawasan Politeknik Commercial Centre berhadapan dengan kampus tetap PKK, dan telah mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2018.

PKK menawarkan kursus di peringkat Sijil Khas dan Diploma kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia, terbuka kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berusia 18 tahun ke atas.

Terdapat lima (5) Jabatan Akademik di PKK iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Perdagangan dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta dua (2) Jabatan Sokongan Akademik iaitu Jabatan Pengajian Am dan Jabatan Matematik, Sains & Komputer.

Selain jabatan akademik, PKK turut mempunyai Unit-unit Sokongan seperti Unit Pentadbiran, Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Unit Perhubungan dan Latihan Industri, Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia, Unit Peperiksaan, Unit Perpustakaan, Unit Kolej Kediaman, Unit Pembangunan dan Senggaraan, Unit Pengurusan Psikologi, Unit Jaminan Kualiti, Unit Komunikasi Korporat, Unit Kewangan, Unit Pengurusan Aset, Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersialan, Unit Keusahawanan, Unit Pusat Pembangunan Teknologi (COT) dan Unit Industri Korporat dan Kebolehpasaran (CISEC).

Sejak penubuhannya, Politeknik Kota Kinabalu telah melahirkan seramai 22,667 graduan.

POLITEKNIK MALAYSIA
KOTA KINABALU

VISI

Menjadi Institusi TVET yang unggul di peringkat kebangsaan dan Antarabangsa pada tahun 2020

MISI

1. Menyediakan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan yang diiktiraf oleh industri

2. Membina persekitaran pembelajaran TVET yang inovatif dan kreatif

3. Memperkasakan kolaborasi yang produktif dengan industri

4. Mengungguli pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa



POLITEKNIK KOTA KINABALU
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
CARTA ORGANISASI PENGURUSAN



SENARAI AHLI INDUSTRY ADVISORY COMMITTEE (IAC) 2019-2020

Pengerusi

Datuk AG. Buhtamam bin AG. Mahmun
Yang Dipertua
Dewan Perniagaan Melayu Malaysia(Sabah)

Ahli Jawatankuasa

Datuk Haji Abdul Kadir M.E Sikkandar
Pengarah Urusan
Kumpulan BTC Sdn. Bhd.

IR. Mohd Yaakob Hj. Jaafar
Pengurus Besar Kanan
Sabah Electricity Sdn. Bhd.

IR. Ahmad Bin Jafar@Jaafar
Ketua Pegawai Eksekutif
Perunding Al Quswa

IR. Haji Nazri bin Haji Ab Razak
Ketua Pegawai Eksekutif
Dihnar Group

Siti Noraishah Azizan, CMIT
Pengurus Besar
Sabah Ports Sdn. Bhd.

Hj. Ramli Bin Amir
Presiden Kebangsaan
The Chartered Institute Of Logistics And Transport

Saw Fah Sung
Pengurus Besar
ES Electronics Sdn. Bhd.


Jeffrey Goh
Ketua Pegawai Eksekutif
AMC College

Mak Dune Cherng
Pengurus
Pribumi Sdn. Bhd.


Statistik

2020
Laporan Tahunan

ENROLMEN PELAJAR



Statistik Pendaftaran Pelajar Baharu Mengikut Jabatan Sesi Jun 2020



Jumlah keseluruhan Pelajar Politeknik Kota Kinabalu Mengikut Jabatan Sesi Jun 2020

ENROLMEN PELAJAR

Pecahan Pelajar Mengikut Program



JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

DKA » 509 PELAJAR

DBK » 110 PELAJAR

DKA » 188 PELAJAR



JABATAAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

DTK » 112 PELAJAR

DEP » 215 PELAJAR

DEE » 421 PELAJAR

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

DKM » 459 PELAJAR

DTP » 145 PELAJAR

DEM » 151 PELAJAR

ENROLMEN PELAJAR

Pecahan Pelajar Mengikut Program



JABATAN PERDAGANGAN

DAT » 418 PELAJAR

DPR » 381 PELAJAR

DLS » 347 PELAJAR



JABATAN PELANCONGAN & HOSPITALITI

DHM » 176 PELAJAR

DHR » 181 PELAJAR

KHK » 21 PELAJAR

JABATAN MATEMATIK SAINS & KOMPUTER

IPS » 29 PELAJAR

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Status Pekerjaan Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian dan Ijazah Dianugerahkan/ Penganugerahan, POLITEKNIK KOTA KINABALU 2020



JABATAN PERDAGANGAN

DIPLOMA AKAUNTANSI

72 orang Bekerja	- Menunggu penempatan pekerjaan	- Meningkatkan kemahiran	9 orang Melanjutkan pengajian	5 orang Belum bekerja

DIPLOMA PEMASARAN

64 orang Bekerja	1 orang Menunggu penempatan pekerjaan	- Meningkatkan kemahiran	3 orang Melanjutkan pengajian	5 orang Belum bekerja

DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN

12 orang Bekerja	1 orang Menunggu penempatan pekerjaan	- Meningkatkan kemahiran	2 orang Melanjutkan pengajian	3 orang Belum bekerja

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM



159 orang	2 orang	1 orang	24 orang	9 orang
Bekerja	Menunggu penempatan pekerjaan	Meningkatkan kemahiran	Melanjutkan pengajian	Belum bekerja

DIPLOMA UKUR BAHAN

57 orang	3 orang	-	7 orang	6 orang
Bekerja	Menunggu penempatan pekerjaan	Meningkatkan kemahiran	Melanjutkan pengajian	Belum bekerja

DIPLOMA TEKNOLOGI BERASASKAN KAYU

39 orang	-	-	6 orang	12 orang
Bekerja	Menunggu penempatan pekerjaan	Meningkatkan kemahiran	Melanjutkan pengajian	Belum bekerja

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK



DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK

9 orang Bekerja	- Menunggu penempatan pekerjaan	- Meningkatkan kemahiran	- Melanjutkan pengajian	1 orang Belum bekerja

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK

65 orang Bekerja	2 orang Menunggu penempatan pekerjaan	- Meningkatkan kemahiran	1 orang Melanjutkan pengajian	9 orang Belum bekerja

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMPUTER)

29 orang Bekerja	- Menunggu penempatan pekerjaan	- Meningkatkan kemahiran	6 orang Melanjutkan pengajian	7 orang Belum bekerja

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)

56 orang Bekerja	2 orang Menunggu penempatan pekerjaan	- Meningkatkan kemahiran	8 orang Melanjutkan pengajian	10 orang Belum bekerja



JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL

60 orang Bekerja

5 orang Menunggu penempatan pekerjaan

- Meningkatkan kemahiran

15 orang Melanjutkan pengajian

8 orang Belum bekerja

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PEMBUATAN)

33 orang Bekerja

2 orang Menunggu penempatan pekerjaan

- Meningkatkan kemahiran

6 orang Melanjutkan pengajian

3 orang Belum bekerja

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK

28 orang Bekerja

3 orang Menunggu penempatan pekerjaan

- Meningkatkan kemahiran

4 orang Melanjutkan pengajian

3 orang Belum bekerja

JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

DIPLOMA PENGURUSAN HOTEL



42 orang	1 orang	-	-	3 orang
Bekerja	Menunggu penempatan pekerjaan	Meningkatkan kemahiran	Melanjutkan pengajian	Belum bekerja

SIJIL KEMAHIRAN HOTEL DAN KATERING

19 orang	1 orang	-	-	-
Bekerja	Menunggu penempatan pekerjaan	Meningkatkan kemahiran	Melanjutkan pengajian	Belum bekerja

LATIHAN INDUSTRI

Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) merupakan satu unit di Politeknik yang bertanggungjawab untuk melaksanakan segala urusan dan aktiviti berkaitan Latihan Industri (LI).

LI bermaksud satu kursus yang dilaksanakan melalui pendekatan experiential learning dengan menempatkan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia di dalam industri yang di pilih, samada di dalam atau di luar negara dalam tempoh yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan pensijilan.

Mengikut struktur organisasi PKK, UPLI diletakkan di bawah sayap akademik yang diterajui oleh Timbalan Pengarah Akademik. Unit ini diketuai oleh seorang Ketua Unit dan dibantu oleh pegawai LI serta penyelaras LI Jabatan.

Bagi tahun 2020, dengan cabaran pandemik COVID-19, seramai 1,194 orang pelajar telah mengikuti latian industri di seluruh Malaysia. Berikut merupakan taburan penempatan pelajar menjalani Latihan Industri bagi sesi Disember 2019 dan Jun 2020 mengikut negeri:

DISEMBER 2019



JUN 2020



UPLI PKK bertanggungjawab menyelaras 2 Key Perfomance Indicator (KPI) di dalam pelan Strategik PKK (PSPKK) 2016-2020 iaitu:
Peratus (%) penempatan Latihan Industri di industri swasta
Peratus (%) pelajar politeknik yang diserap / ditawarkan bekerja selepas tamat LI di syarikat yang sama

Berikut merupakan statistik % penempatan Latihan Industri di industri swasta bagi sesi Disember 2019 dan Jun 2020:

JKA

	DIS 2019	JUN 2020
Diploma Kejuruteraan Awam	59.5 %	47.5 %
Diploma Ukur Bahan	76.2 %	47.5 %
Diploma Teknologi Berasaskan Kayu	82.1 %	49 %

JKE

	DIS 2019	JUN 2020
Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (Komputer)	61.5 %	83.3 %
Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (Komunikasi)	92.2 %	79.2 %
Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	92.3 %	75 %

JKM

	DIS 2019	JUN 2020
Diploma Kejuruteraan Mekanikal	85.9 %	75.4 %
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	78.9 %	53.8 %
Diploma Kejuruteraan Mekatronik	100 %	68.8 %


JP


	DIS 2019	JUN 2020
Diploma Akauntansi	80.2 %	83.1 %
Diploma Pemasaran	83 %	77.6 %
Diploma Pengurusan Lojistik & Rantaian Bekalan	62.8 %	81.4 %

JPH

	DIS 2019	JUN 2020
Sijil Kemahiran Khas (Hotel & Katering)	100 %	100 %
Diploma Pengurusan Resort	-	100 %


Penempatan Latihan Industri di industri swasta bagi sesi Disember 2019 dan Jun 2020
Politeknik Kota Kinabalu





Berdasarkan statistik bagi sesi Disember 2019 dan Jun 2020, dapat dilihat penurunan % penempatan pelajar di syarikat/agensi swasta yang disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 kepada pihak industri swasta terutama sekali industri yang melibatkan Small-Medium Enterprise (SME).


Berikut merupakan statistik % pelajar politeknik yang diserap / ditawarkan bekerja selepas tamat LI di syarikat yang sama bagi sesi Disember 2019 dan Jun 2020.






	DIS 2019	JUN 2020
Sijil Kemahiran Khas (Hotel & Katering)	23.1 %	66.7 %
Diploma Pengurusan Resort	-	48.6 %

Pelajar politeknik yang diserap / ditawarkan bekerja selepas tamat LI di syarikat yang sama bagi sesi Disember 2019 dan Jun 2020 Politeknik Kota Kinabalu





PEMBANGUNAN STAF

STATISTIK LATIHAN KUDAP STAF



STATISTIK PENYERTAAN PROGRAM PSH TAHUNAN




STATISTIK PENCAPAIAN PEMBANGUNAN BAKAT STAF




PENGURUSAN PENTADBIRAN

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2020



PRESTASI PEMBAYARAN BIL TAHUN 2020



KENAIKAN PANGKAT

PPPT DH32- DH42(M)
4

PPPT DH48-DH52
2

PPPT DH44- DH48
26

PPPT DH41-DH44
17

RETEN STAF



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
Mohd Satar Bin Ab Ghani
Cosward Jack
Zinvi Fu @ Hu-Jingwei
Sahrizan Bin Mohamad Sahari
Taj Nesha Begam Binti Baisul Khan
Adil Arif Bin Mat

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Shamsiah Binti Salamat
Syahlan Bin Abd Halim
Hazizul Bin Mohamed
Salimi Bin Salih

JABATAN PERDAGANGAN
Kamiliah @ Kamaliah Binti Sulimat
Siti Hafsah Binti Taip
Rusli Bin Amir

JABATAN PERLANCONGAN DAN HOSPITALITI
Zuliana Binti Aliman
Melin Binti Jopin
Ahmad Kassim Bin Asin @ Yasin
Muzaffar Bin Mohamed Sidin

JABATAN PENGAJIAN AM
Qamariah Binti Makmud
Anna Alicia Juanis

PENTADBIRAN
Haris Bin Jabbarun
Linney Didymus
Hanny Binti Kilim

JABATAN MATEMATIK SAINS KOMPUTER
Mohd Ramli Bin Nawia
Jalleh Bin Bokiom

UIDM
Ersugandi Bin Marsuki

PERPUSTAKAAN
Evasadtrianah Binti Lepi

PEJ. PENGARAH
Nur Afiah Ng Abdullah

JHEP
Samsul Bahri Bin Arsad

Pembangunan & Fasiliti

UNIT PSIKOLOGI & KERJAYA

Unit Pengurusan Psikologi (UPPsi) Politeknik Kota Kinabalu (PKK) merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara profesional kepada semua pelajar dan staf PKK. Unit ini juga bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program-program pembangunan modal insan berlandaskan pendekatan psikologi yang merangkumi aspek pencegahan, pembangunan dan pemulihan. Perkhidmatan yang disediakan oleh unit ini adalah sejajar dengan usaha mewujudkan suasana harmoni dan seimbang secara holistik dalam kalangan warga PKK. Peranan unit ini amat penting dalam membantu PKK mencapai matlamat ke arah 'PKK Unggul' pada masa hadapan.

PERKHIDMATAN KAUNSELING & BIMBINGAN TAHUN 2020





Kursus Kemahiran Membimbing (Staf)



Kursus Asas Pembimbing Rakan Siswa



Program Motivasi Pembangunan Diri



Program We Care We Share: Sayangi Dirimu



Program Persediaan Menghadiri Temuduga



Kursus Bahasa Isyarat (Staf)



JABATAN SUKAN, KO-KURIKULUM & KEBUDAYAAN

Jabatan Sukan, Ko-kurikulum & Kebudayaan merupakan sebuah jabatan sokongan kepada jabatan-jabatan induk (akademik) yang terdapat di Politeknik Kota Kinabalu. Jabatan ini berperanan dalam menyelaras kursus-kursus ko-kurikulum yang perlu diambil oleh pelajar-pelajar Politeknik Kota Kinabalu. Kursus-kursus ko-kurikulum yang ada di Politeknik Kota Kinabalu termasuklah sukan, kelab dan unit beruniform seperti pengakap, wataniah dan relasis.

Selain itu, Jabatan Sukan, Ko-kurikulum & Kebudayaan juga berperanan dalam mengawalselia semua kemudahan sukan yang terdapat di kampus Politeknik Kota Kinabalu.Fasiliti sukan yang terdapat di kampus ini adalah seperti padang bolasepak, gelanggang badminton, gelanggang bola tampar, gelanggang sepak takraw, gelanggang tenis, gelanggan bola jaring, gelanggang futsal,gelanggang bola keranjang, gelanggang skuash serta pusat gimnasium. Selanusnya, Jabatan Sukan, Ko-kurikulum & Kebudayaan juga terlibat dalam merancang, mengurus dan pelaksanakan penyertaan pelajar dalam kejohanan-kejohanan sukan yang dianjurkan diperingkat negeri, kebangsaan ataupun antarabangsa.

Bagi melahirkan graduan yang holistik, Jabatan Sukan, Ko-kurikulum & Kebudayaan turut mengendalikan penganjuran program-program kebudayaan kepada para pelajar. Penglibatan pelajar dalam bidang kebudayaan ini sangat penting dalam pembentukan sahsiah dan jati diri. Para pelajar diberi pendedahan melalui penyertaan dalam pertandingan-pertandingan kebudayaan seperti seni tarian, lakonan, musik dan nyanyian yang dianjurkan diperingkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

17 – 19 Jan 2020
Kejohanan Rugbi
Poly 10's 2020

8-14 Jan 2020
Karnival Sukan
Politeknik Kota Kinabalu
(KSPKK) Tahun 2020

13 – 18 Feb 2020
Liga Futsal
Politeknik Malaysia
2020

6 – 9 Feb 2020
Eksplorasi Budaya
Dan Warisan Dunia
UNESCO
(EKSCOME 4.0)

6 – 8 Mac 2020
Klinik Woodball

13 – 18 Feb 2020
Kejohanan Olahraga
MSP

7 Mac 2020
Pertandingan Bola Tampar
PIBG SK Kilimu 2020

6 – 8 Mac 2020
Kejohanan Futsal
Open

4 Sept 2020
Cabaran Kinabalu
PKK Unggul 2020

7 – 8 Mac 2020
Politeknik Malaysia
International Chess
Carnival

19-20 Sept 2020
Karnival E-Sport
PKK 2020



PERPUSTAKAAN

Perpustakaan merupakan gedung ilmu utama bagi seluruh warga Politeknik Kota Kinabalu Sabah. Perpustakaan berperanan sebagai Pusat Rujukan Maklumat dalam memperkasakan lagi azamnya untuk menjadikan Politeknik Kota Kinabalu cemerlang dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikannya.

Beroperasi sebagai perpustakaan sementara di Sekolah Menengah Teknik Likas pada tahun 1996, perpustakaan ini terus melebarkan sayap perkhidmatannya dengan lebih meluas apabila melalui proses pembangunan pesat dari aspek fizikal yang lebih luas dan selesa, pertambahan koleksi dan perkhidmatan yang komprehensif dan terkini serta kemudahan perpustakaan yang selesa bagi kegunaan pengguna perpustakaan. Berlatarbelakang pemandangan hijau hutan paya bakau yang damai dan segar, perpustakaan yang mempunyai dua tingkat di bangunan tetap ini berupaya menampung 1,000 orang pengguna pada satu-satu masa serta memberikan perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien kepada warganya.

Kini, koleksi perpustakaan mencecah lebih 30,000 naskah termasuk bahan monograf dan bukan monograf, elektronik dan multimedia dan dijangka bertambah dari semasa ke semasa.

Sebagai pusat kecemerlangan akademik, Perpustakaan Politeknik Kota Kinabalu akan sentiasa berusaha meningkatkan serta memperkasakan perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti demi kepuasan pengguna serta mampu melahirkan modal insan yang seimbang dalam bidang akademik dan spiritual.

PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN POLITEKNIK KOTA KINABALU 2020



PINJAMAN BAHAN PERPUSTAKAAN POLITEKNIK KOTA KINABALU 2020

RANGKUMAN AKTIVITI

Perkhemahan Perdana Kelab Rakan Pustaka Bersama Unit Perpustakaan



Check in forest@Go Green





KEMPEN GALAKAN MEMBACA: Senam Seni Malaysia





PEMBANGUNAN & SENGGARAAN (UPS)

Unit Pembangunan dan Senggaraan (UPS) merupakan salah satu unit sokongan akademik di dalam Politeknik Kota Kinabalu. Unit ini bertanggungjawab dalam menguruskan dan menyenggara keseluruhan fasiliti di Politeknik Kota Kinabalu. UPS memainkan peranan yang penting bagi memastikan setiap peralatan dan fasiliti berada dalam tahap yang baik dan digunakan ke tahap optimum bagi menjamin keselesaan dan keselamatan persekitaran fizikal PKK. Projek-projek pembangunan dan naiktaraf yang bersesuaian dilakukan secara berperingkat demi memenuhi keperluan semasa warga PKK.

UPS bertanggungjawab dalam merangka dan merancang setiap kerja – kerja pembangunan dan senggaraan kemudahan infrastruktur dan juga aset supaya sentiasa memberi khidmat dan pulangan yang memuaskan kepada pengguna.

Penyenggaraan yang tidak memuaskan akan mendatangkan kesan yang kurang baik terhadap segala kemudahan dan aset yang disediakan. Dalam usaha untuk menghasilkan penyenggaraan yang berkesan, satu pendekatan yang lebih konprehensif harus dilaksanakan. Oleh yang demikian segala rungutan dan aduan yang berkaitan dengan kerosakan infrastruktur dan aset sentiasa menjadi keutamaan UPS dan tindakan segera diambil bagi menjamin segala aktiviti di PKK tidak terjejas dan terganggu.



PENCAPAIAN UNIT TAHUN 2020

- Mewakili PKK sebagai Penasihat Teknikal kepada Jabatan Pendaftaran Negara (Sabah) bagi kerja-kerja ubahsuai ruangan pejabat.
- Menyediakan laporan dan kertas kerja bagi kerja-kerja pengubahsuaian.



ICT

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UTMK) melaksanakan penyelengaraan rangkaian kampus, servis komputer dan pembangunan sistem di Politeknik Kota Kinabalu. UTMK juga bertanggungjawab untuk membangunkan teknologi maklumat selaras dengan pembangunan IT yang terkini.

Bagi tujuan pembangunan staf, UTMK memainkan peranan untuk menganjurkan kursus kepada kakitangan akademik dan bukan akademik untuk menghasilkan pekerja yang celik IT dan yang mampu melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Matlamat utama unit UTMK adalah untuk memaksimakan penggunaan teknologi dan rangkaian dan juga perkhidmatan UTMK di dalam kampus PKK dan Kampus Cawangan Telipok.

UTMK terdiri daripada 12 staf yang mana 1 Ketua Unit ICT (DH48), 3 Pegawai Teknologi Maklumat Kanan (F44), 7 Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (FA29) dan 2 Juruteknik (FT19).



Kursus Online Helpdesk PKK (OHP)



Kursus eBorang PKK



Kursus PHP, MySQL dan Bootstrap



Bengkel SPMP Modul iHelp Bil. 1/ 2020



Bengkel Amalan EKSA Unit ICT Bil 2/ 2020



Kursus Advance Network



Kursus CCNA 1.0



Bengkel Latihan Prnggunaan MyGovUC 2.0 (Pentadbiran Sistem)



KEUSAHAWANAN

Unit Keusahawanan merupakan salah satu unit di Politeknik Kota Kinabalu. Unit ini bertanggungjawab melahirkan graduan yang menceburi bidang keusahawanan semasa dalam pengajian dan selepas pelajar tamat pengajian, disamping menjalankan aktviti keusahawanan untuk memupuk minat pelajar terhadap bidang keusahawanan dan perniagaan.

09 – 16 Julai 2020
Seminar Technopreneurship Program for Youth Graduates (online). Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

05 - 07 Ogos 2020
Taklimat Pengenalan Usahawan JKM, JKE, JKA, JP dan JPH

25-27 Sept. 2020
Gerak Usahawan Kampus 2020 - Online Business Courses Siswapreneur Peringkat Kebangsaan. Anjuran Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB).

21 Sept. 2020
Seminar E-Commerce oleh Groupie Company anjuran Groupie company.

19-23 Okt. 2020
Ceramah Pembudayaan Keusahawanan Sesi Jun 2020.

22-29 Okt. 2020
Ceramah Keusahawanan: Pengenalan Usahawan Sosial Business Model Canvas

WARAN PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN TAHUN 2020 (RM2000)

Bil	BUTIRAN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA / JAM (RM)	JUMLAH (RM)
1	Bayaran Penceramah adalah berdasarkan Kadar Bayaran seperti di Pekeliling Perbendahaaraan Malaysia WP 1.8/2013 menggunakan peruntukan OS42			
	22 – 31 Oktober 2020			
1	Dr. Sylvia @ Nabila Azwa Binti Ambad	3 jam	150.00	450.00
2	Pn. Saiyidatul Syahirah Binti Jasney	4 jam	100.00	400.00
3	En. Suhaimie Bin Selin	4 jam	100.00	400.00
4	Pn. Mariani Binti Abdullah	4 jam	100.00	400.00
5	En. Gerald Thomas Wong	4 jam	100.00	400.00
			JUMLAH KESELURUHAN	**2,050.00**

WARAN SE@C 2020 (RM4000)

Bil	BUTIRAN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA / JAM (RM)	JUMLAH (RM)
1	Bayaran Penceramah adalah berdasarkan Kadar Bayaran seperti di Pekeliling Perbendahaaraan Malaysia WP 1.8/2013 menggunakan peruntukan OS42			
	22 – 31 Oktober 2020			
1	Dr. Sylvia @ Nabila Azwa Binti Ambad	6 jam	150.00	900.00
2	Pn. Farha Binti Mohd Fadzli	18 jam	120.00	2160.00
3	En. Suhaimie Bin Selin	5 jam	100.00	500.00
4	Pn. Mariani Binti Abdullah	5 jam	100.00	500.00
			JUMLAH KESELURUHAN	**4,060.00**

PUSAT PEMBANGUNAN TEKNOLOGI (COT)

Bidang Teknologi Berasaskan Kayu telah dipilih sebagai bidang tujahan utama yang diangkat untuk menerajui Pusat Pembangunan Teknologi (Cot) di Politeknik Kota Kinabalu (PKK) semenjak tahun 2016. Unit COT diletakkan di bawah seliaan Timbalan Pengarah Akademik (TPA) di Unit Sokongan Akademik. Segala perancangan dan perlaksanaan oleh Jawatankuasa CoT Politeknik Kota Kinabalu adalah selari dengan ketetapan yang terkandung dalam Garis Panduan Pelaksanaan Center of Technology, Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kamus KPI, 2019.

Bermula pada tahun 2018 sehingga kini CoT PKK telah dikenali sebagai Wood Centre of Technology (WTeC). WTeC telah meneruskan semua agenda asal untuk memastikan agar Politeknik Kota Kinabalu akan terus relevan untuk menjadi pusat utama, di mana ilmu pengetahuan dan juga teknologi dalam bidang Teknologi Berasaskan Kayu diaplikasikan melalui:

- Perlaksanaan penyelidikan dan inovasi.
- Peningkatan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran.
- Penerbitan di dalam bidang tujahan utama
- Pemberian perkhidmatan kepakaran.

Adalah diharapkan, Politeknik Kota Kinabalu (PKK) akan menjadi pusat rujukan yang memberi banyak manfaat kepada komuniti, masyarakat dan industri berkaitan. Politeknik Kota Kinabalu akan memainkan peranan sebagai pusat yang mengembeleng pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh warga politeknik di dalam dalam bidang tujahan utama serta bertanggungjawab untuk memperkembangkan pengetahuan dan perkongsian kepakaran melalui hubungan baik dan kerjasama strategik dengan pihak industri, dan komuniti awam dan akademik bagi mencapai matlamat dan dapat menghasilkan impak yang maksima terhadap kecemerlangan organisasi dan graduan politeknik.

LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN COT 2020

KURSUS ASAS REKABENTUK MENGGUNAKAN PERISIAN CAD



PROGRAM EKSA BANGUNAN BAHARU CoT



THUNDER FLASH LOGISTICS (TFL)

Penubuhan Thunder Flash Logistics (TFL) bermula dengan tercetusnya idea untuk menyelesaikan masalah pengurusan kiriman di PKK dan pada masa yang sama dapat menyediakan pelajar DLS pengalaman kerja yang berkaitan secara langsung dengan pembelajaran. TFL adalah hasil kerjasama di antara Jabatan Perdagangan dengan kerjasama Koperasi PKK yang menggunakan pendekatan Teaching Factory. Secara khususnya TFL dikendalikan oleh program Diploma Logistik dan Rantaian Bekalan (DLS) dan dibantu oleh para pelajar Jabatan Perdagangan yang menjalani latihan industri (LI) dengan diselia oleh pensyarah Jabatan Perdagangan. TFL telah memulakan operasi secara rasminya pada 01 September 2020 yang lalu.

2.0 RASIONAL PENUBUHAN

2.1 Kadar penerimaan kiriman bungkusan yang tinggi di kalangan kakitangan dan pelajar

- Purata penerimaan kiriman bungkusan untuk kakitangan sahaja adalah sebanyak 40 bungkusan sehari.

2.2 Tiada kaedah dan pusat khusus yang menguruskan pengurusan penerimaan kiriman bungkusan di PKK.

- Atas faktor keselamatan, lebih seribu pelajar dan 300 lebih kakitangan yang menetap di 10 blok kuarters dan 15 blok kamsis tidak dapat menerima kiriman terus ke premis masing-masing.
- Sebaliknya semua kiriman dihantar oleh firma-firma kiriman pos ke bangunan pentadbiran dan Jabatan Sukan Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK). Ia diuruskan oleh pegawai PKK sebagai satu tugas sampingan dan bukan suatu kerja hakiki beliau.
- Tugasan tambahan ini pastinya mengganggu waktu dan kelancaran tugas hakiki pegawai berkenaan yang sepatutnya diberi tumpuan yang lebih baik.
- Ruang pejabat yang menjadi tempat longgokan kiriman kiriman yang diterima juga menjadikan ruang kerja berkenaan tidak kondusif dan menganggu produktiviti pegawai.
- Penyediaan ruang dan pengurusan yang tertumpu dan berkesan bagi pengurusan kiriman pos Ini dapat mengatasi masalah ruang, tumpuan dan produktiviti pegawai dan unit yang sebelum ini mengendalikannya secara tugasan sampingan.

2.3 Peluang aplikasi pembelajaran, simulasi dan inovasi program Diploma Logistik dan Rantaian Bekalan.

- Sebagai jabatan yang menawarkan program yang berkaitan secara langsung dengan pengurusan logistik dan rantaian bekalan iaitu program (DLS), JP merasa patut mengambil peluang untuk menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan menyediakan perkhidmatan PKPK ini.
- Pusat khidmat ini dapat memberi ruang aplikasi dan simulasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) program DLS khususnya dan program lain yang berkaitan.
- Pusat khidmat ini juga dapat memberi ruang dan peluang para pensyarah untuk berinovasi dalam berbagai aspek PdP dan pengurusan.

3.0 OBJEKTIF PENUBUHAN

- Menyediakan satu pusat setempat yang menguruskan kiriman bungkusan pos bagi memudahkan kakitangan dan pelajar PKK.
- Menyelesaikan isu ruang, kakitangan dan pengurusan kiriman bungkusan pos terdahulu.
- Menyediakan peluang penempatan latihan industri dan pengalaman perniagaan bagi pelajar Jabatan Perdagangan di dalam industri yang berkaitan.
- Menyediakan eko-sistem untuk aplikasi, simulasi dan inovasi PdP dan pengurusan program DLS khususnya dan program lain amnya.



TEACHING FACTORY – ACCOUNTING FIRM@POLITEKNIK KK

PENGENALAN

Accounting Firm@Politeknik KK adalah satu hasil implementasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan kerjasama industri di antara Politeknik Malaysia dengan Firma Perakaunan SAHABAT. Objektif kerjasama industri ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pemilik perniagaan dan usahawan PKS di negeri Sabah khasnya mendapatkan perkhidmatan pengurusan perakaunan secara mudah dan tepat bersama dengan penglibatan pelajar jurusan Diploma Perakaunan secara latihan praktikal. Ia dapat menjadi hub rujukan setempat untuk PKS negeri Sabah dalam menguruskan perakaunan dan kewangan perniagaan mereka pada masa kini dan masa akan datang.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Politeknik

1. Membekalkan tenaga pekerja iaitu pelajar-pelajar untuk menjalani latihan industri di Accounting Firm@Politeknik.
2. Menyediakan pensyarah sebagai penyelaras aktiviti di firma serta mentor kepada pelajar.
3. Membekalkan pensyarah-pensyarah yang berminat menjalani latihan industri di firma.
4. Membantu mempromosikan Accounting Firm@Politeknik.

Firma Perakaunan SAHABAT

1. Menguruskan operasi perkhidmatan Accounting Firm@Politeknik.
2. Menyediakan laporan pelaksanaan aktiviti serta laporan prestasi pelajar.
3. Merangka strategi pemasaran bersama Politeknik bagi tujuan operasi firma.
4. Menjalankan promosi bersama Politeknik bagi perkhidmatan yang ditawarkan oleh firma.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Perkhidmatan perakaunan
2. Penyediaan rancangan perniagaan
3. Penyediaan dokumen pencukaian

SENARAI AKTIVITI

BIZ TALK

Seminar Diagnostik

Seminar Smart Cash Flow

Seminar Hijrah Perniagaan Kepada Syarikat

Seminar Akaun Itu Mudah

Mini Karnival Sempena Hari Pengguna Kebangsaan dan Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil, Peringkat Negeri Sabah, 2019

Majlis Graduasi Inkubator & Hari Keusahawanaan anjuran SEDIA

Lawatan benchmarking PHT ke PKK

Lawatan benchmarking Politeknik Bisnis Kaltara, Tarakan Indonesia ke PKK

TEACHING FACTORY – ACCOUNTING FIRM@POLITEKNIK KK

Bilangan pelajar yang menjalani Latihan industri sehingga Dis 2020
15 Orang

Bilangan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan firma sehingga Dis 2020
15 Buah

Bilangan pensyarah yang mengikuti Sangkutan Industri Pensyarah (SIP)
1 Orang





Anugerah & Kejayaan

2020
Laporan Tahunan

ANUGERAH & KEJAYAAN (PELAJAR & STAF DALAM INOVASI) INOVASI & PENYELIDIKAN

PERINGKAT ANTARABANGSA

BEST VIDEO CONCEPT AWARD
International Conference on Social Science and Technology for Postgraduates and Researchers (ICSSTPR2020)

Kamiliah @ Kamaliah Binti Sulimat



PINGAT PERAK
International Innovation Competition (INNOCOM 2020)

Azuyaria Bt Mat Puzi



ANUGERAH & KEJAYAAN (PELAJAR & STAF DALAM INOVASI)
INOVASI & PENYELIDIKAN

PERINGKAT KEBANGSAAN



PINGAT EMAS
Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET 2020 (PERISA'2020)

Kamiliah @ Kamaliah Binti Sulimat

Mini Mobile Solar Monitoring Station
Anugerah Harta Intelek Negara 2020 (AHIN2020)

Julie Shaleena Jany (Pelajar)
En. Philips Dharmaraj (Pensyarah)





PINGAT PERAK
Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET 2020 (PERISA'2020)

Anbukkarasu A/L Paramasivam
Dalinah @ Dulimah bt. Banting

PINGAT PERAK
Borneo Innovation Festival 2020 (BiF'2020)

Farhana Binti Sabidin



PERINGKAT JABATAN







Pencapaian & Prestasi

CSR

Program CSR atau khidmat masyarakat merupakan aktiviti- aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan secara berkumpulan serta mempunyai matlamat serta tujuan tertentu. Antaranya adalah untuk meringankan bebanan, memberi manfaat, dan kesejahteraan kepada komuniti tertentu. Aktiviti ini amat digalakkan dilakukan secara berkumpulan dan berkala untuk memberi hasil dan impak kepada komuniti yang menerima. Melalui program sebegini, pelajar-pelajar dapat menunaikan tanggungjawab mencurahkan bakti kepada segenap lapisan masyarakat. Program ini turut menekankan kemahiran insaniah iaitu mengamalkan sikap beretika dan mengambil peranan sebagai pemimpin. Sepanjang tahun ini, perlbagai aktivit CSR yang dianjurkan oleh pelbagai jabatan akademik dan unit.

CSR JKM Menghasilkan Hand Dispenser Sanitizer Stand

Team CSR JKM telah merekabentuk dan menghasilkan 25 unit hand sanitizer stand untuk diagihkan kepada seluruh jabatan-jabatan akedemik PKK untuk membendung penularan Pandemik COVID-19



CSR: Masjid AL-Taqwa Kg Laya-laya, Tuaran

Mengeratkan hubungan dengan komuniti



CSR: Clothing Donation Drive

Program ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar mengenai tanggungjawab terhadap masyarakat sekitar yang memerlukan dan membantu meringankan beban penduduk miskin.



CSR CLOMEC Sekolah Rendah Advent Bambangan, Kota Marudu

Team CSR CLOMEC serta Staf JKM telah melaksanakan kerja-kerja CSR untuk menambahbaik kemudahan di sekitar kawasan sekolah tersebut.



CSR Naik Taraf Pusat Sumber Makmal Komputer, SK Pengiran Siti Hafsah, Karambunai

Membina rak-rak buku secara tidak langsung menyedarkan mereka akan kepentingan pembangunan pusat sumber



CSR JKM Menghasilkan Face Shield untuk Frontliners KKM

Team CSR JKM telah merekabentuk dan menghasilkan face sheild untuk diagihkan para frontliners Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertugas melawan Pandemik COVID-19



CSR DEM SK Narawang, Ranau

Staf Program DEM telah mengadakan CSR bersama-sama pelajar Sekolah Kebangsaan Narawang, Ranau



CSR Wetland KK

Memberi kesedaran kepada pelajar akan kepentingan menjaga alam sekitar dengan mengutip sampah-sampah yang hanyut ke kawasan paya Wetland Kota Kinabalu. Mereka turut diberi peluang menyumbang kepada komuniti dengan penyediaan anak benih pokok.



PENGANTARABANGSAAN

Perhubungan korporat dan antrabangsa merupakan agenda penting yang menyokong Pelan Strategi KPT untuk memastikan JPP, PoliKK sentiasa relevan dalam landskap pengajian tinggi negara khasnya dan selari dengan perkembangan pengajian tinggi global amnya. Menyedari kepentingan ini, PoliKK telah mengadakan beberapa aktiviti dengan institusi institusi di luar negara.



The 6th International Conference on Science, Technology and Interdisciplinary Research IC-STAR 2020

Seramai 5 orang staf JKM iaitu, Cik Liana, Pn. Chicha, Pn. Angela W.P, Pn. Hatimi dan Pn. Ida telah menyertai persidangan tersebut untuk membentangkan kertas kerja masing-masing di peringkat antarabangsa.



International Greentech & Eco Products Exhibition & conference Malaysia (IGEM 2020)

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan pencarian ilmu pengetahuan sama ada untuk diri sendiri atau professional yang dilakukan sepanjang masa dan atas motivasi kendiri. Proses pembelajaran ini berlaku di mana-mana tempat dan pada sebarang masa. PSH juga membangunkan potensi manusia melalui proses pembelajaran berterusan yang memberi motivasi kepada manusia agar mengupayakan manusia dalam menguasai ilmu , menerapi nilai murni dalam diri yang diperlukan sepanjang hayat dan meluaskan pengalaman dalam kehidupan supaya individu dapat memikul tanggungjawab dalam berbagai peranan dan keadaan dengan yakin serta kreatif dalam menghadapi segala cabaran hidup. Di samping itu, PoliKK juga menganjurkan pelbagai program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) bagi meningkatkan kemahiran dan kelayakan akademik kepada pekerja industri, membantu menjana pendapatan tinggi dan membangunkan bakat (talent development).

Bengkel PSH JMSK



E LEARNING

Pembelajaran Digital atau e learning telah menjadi satu kaedah pengajaran dan pembelajaran terpenting abad ini. Oleh itu PoliKK telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan amalan dan keberkesananya memberi impak yang tinggi kepada pensyarah, pelajar serta pemegang taruh yang berkaitan dengannya.

JARINGAN KOLABORASI

Jaringan kolaborasi & komuniti adalah satu perhubungan dan rangkaian strategik dengan rakan industri, komuniti, agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi lain bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran, menambah nilai dan meningkatkan keberadaan rakan industri dalam agenda pendidikan negara dan politeknik. Kolaborasi bersama industri dilaksanakan bagi memastikan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan politeknik. Politeknik Kota Kinabalu berperanan melaksanakan inisiatif ini bagi menjamin pendidikan dan latihan berkemahiran yang berkualiti tinggi, memupuk jalinan industri akademia yang lebih kukuh, membangunkan program kemahiran yang relevan dengan industri.





Lawatan JKM ke Multi Power Industries 03 Mac 2020

Seramai 8 orang staf JKM yang diketuai Ketua Jabatan En. Abdul Razak telah mengadakan kolaborasi bersama Multi Power Industries melakukan Sangkutan Industri Pensyarah dan Latihan Industri Pelajar.





Lawatan JKM ke Steel Industries (Sabah) 21 Febuari 2020

Seramai 6 orang pelajar dan 3 staf JKM yang diketuai Ketua Jabatan En. Abdul Razak telah mengadakan kolaborasi bersama Steel Industries (Sabah) untuk merekabentuk modul khas mesin Universal Testing Machine- Tensile Test.

PERSEKITARAN HIJAU

PoliKK sentiasa berusaha seiring dalam melaksanakan misi kerajaan bagi membina persekitaran hijau. Bagi mencapai hasrat itu, aktiviti EKSA telah dipergiatkan setiap semester. Diharapkan PoliKK akan mendapat sijil EKSA pada tahun hadapan.



Gotong-royong EKSA JKM Persiapan SOP Membendung Penularan Covid-19 21 Julai 2020

Staf JKM telah mengadakan gotong-royong EKSA sebagai persediaan membendung penularan COVID-19 sebelum menerima pelajar pada sesi Jun 2020.

SEKALUNG PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA:

Tan Siew Ning	(Jabatan Kejuruteraan Awam)
Grace Jennifer Philip	(Jabatan Kejuruteraan Elektrik)
Ts. Ahmad Zuhardi B Hussain	(Jabatan Kejuruteraan Mekanikal)
Khasmawaty Binti Morshidi	(Jabatan Pelancongan Dan Hospitaliti)
Masraya Binti Sait	(Jabatan Perdagangan)
Christable Poisol	(Jabatan Pengajian Am)
Adeline Binti Ahyun@Sylvester	(Jabatan Matematik Sains & Komputer)
Muhammaddin Bin Mohd Jair	(Jabatan Hal Ehwal Pelajar)
Ts. Mohd Nasri Bin Hashim	(Jabatan Sukan, Ko-Kurikulum & Kebudayaan)
Pamela Jayne Patrick Apan	(Unit Pentadbiran)
Mohd Hilal HamkaBin Rablin	(Unit Kewangan)
Azrin Bin Jalasi	(Unit Keusahawanan)
Farha Binti Mohd Fadzil	(Unit Peperiksaan)
Haidah Binti Sale	(Unit Perpustakaan)
Nuraisyah Hammade	(Unit Jaminan Kualiti)
Azmiy Bin Lakatu	(Unit Kolej Kediaman
Sulie AK Slat	(Unit Center Of Technology)
Anna Anye	(Unit Pengurusan Psikologi)
Nurul Aqilah Binti Ahmad	(Unit Komunikasi Korporat)
Donna Patrick Apan	(Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi)
Mardinah Bt Haris	(Unit Perhubungan & Latihan Industri)
Sierah Ginsos	(Unit Latihan Staf & Pendidikan Lanjutan)
Rajiv Shah Bin Pillai	(Unit Pembangunan & Senggaraan)
Ts. Zinvi Fu @Hu-Jingwei	(Unit Penyelidikan, Inovasi Dan Komersialan)
Dr. Jason William Vitalis	(Unit Industri Korporat & Kebolehpasaran)
Ag Izzuddin Hamdi Bin Awang Rasim	(Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia)

JAWATANKUASA PELAKSANA PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN POLITEKNIK KOTA KINABALU

PENAUNG

Ts. Zainab Binti Othman ADK
Pengarah Politeknik Kota Kinabalu

PENASIHAT I

Norhanom binti Awang CMILT
Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Kota Kinabalu

PENASIHAT II

Kapten Ts. Syadiqin bin Ag. Adi @Jumaat
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Politeknik Kota Kinabalu

SIDANG REDAKSI

1. Rafidah Binti Ahmad	Ketua Editor
2. Chu Voon Yee @Sandy	Timbalan Ketua Editor
3. Liza Blasius Golingi	Editor
4. Nurul Ain Bt Mudreh	Editor
5. Fareeha Nabila Binti Putra	Editor
6. Ts. Mohamad Azhar bin Hj Saidin	Editor
7. Donna Patrick Apan	Editor & Grafik
8. Zainorhisyam bin Mohamad Noor	Pereka & Grafik
9. Christabel Poisol	Setiausaha

2020

POLITEKNIK KOTA KINABALU
NO. 4, JALAN POLITEKNIK
KKIP BARAT, KOTA KINABALU INDUSTRIAL PARK
88460 KOTA KINABALU, SABAH

Tel: 088-401800
Faks: 088-499960
www.polikk.edu.my